



PELANGGARAN HAK CIPTA DI MEDIA SOSIAL

COPYRIGHT INFRINGEMENT IN SOCIAL MEDIA

Ahmad Shamsul Abd Aziz^{*1}, Nor Azlina Mohd Noor²

¹ School of Law, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: sham@uum.edu.my

² School of Law, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: norazlyna@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.05.2020

Revised date: 13.06.2020

Accepted date: 14.06.2020

Published date: 15.06.2020

To cite this document:

Abd Aziz, A. S., & Mohd Noor, N. A (2020). Pelanggaran Hak Cipta Di Media Sosial. International Journal of Law, Government and Communication, 5 (19), 156-166.

DOI: 10.35631/IJLGC.5190012.

Abstrak:

Media sosial merupakan sekumpulan aplikasi berdasarkan Internet yang dibina berdasarkan atasas ideologi dan teknologi Web 2.0 dan menjadikan aktiviti komunikasi semakin mudah dan pantas. Tanpa Internet, tidak akan wujud saluran media sosial Walau bagaimanapun, kemudahan ini menyebabkan berlakunya pelanggaran hak cipta secara berleluasa di platform media sosial. Pelanggaran hak cipta di media sosial secara asasnya terarah kepada aktiviti perkongsian fail. Aktiviti ini yang menggunakan teknologi rakan pengguna kepada rakan pengguna (P2P) mencetuskan fenomena dalam dunia Internet. Teknologi rangkaian P2P ini membolehkan pengguna bertukar fail digital di mana-mana sahaja. Secara tidak langsung, teknologi ini mencetuskan konflik di antara pemunya hak cipta dan pengguna di Internet. Masalah yang berlaku adalah perkembangan teknologi dan undang-undang tidak sentiasa beriringan. Oleh itu, jurang perbezaan antara undang-undang hak cipta serta teknologi perlu dirapatkan. Isu yang penting adalah sama ada wujudkah peruntukan-peruntukan yang sesuai berkaitan masalah pelanggaran hak cipta di media sosial. Ini adalah kerana, undang-undang yang digubal perlu memastikan adanya peruntukan yang sesuai berkaitan masalah pelanggaran hak cipta di media sosial. Artikel ini membincangkan tentang peruntukan-peruntukan di bawah Akta Hak Cipta 1987 sedia ada yang berkaitan dengan pelanggaran hak cipta dan sama ada ia bersesuaian untuk digunakan di Internet seperti di laman media sosial. Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan undang-undang secara penyelidikan perpustakaan. Artikel ini merumuskan bahawa undang-undang yang tersedia pada masa kini telah digubal secara konklusif dan pemakaian peruntukan-peruntukan tersebut adalah mencakupi pelbagai kesalahan pelanggaran hak cipta dan ianya termasuklah yang berlaku di media sosial.

Kata Kunci:

Media Sosial, Hak Cipta, Pelanggaran, Internet, Malaysia

Abstract:

Social media is a group of Internet-based applications built on the ideology and technology of Web 2.0 and makes communication activities easier and faster. Social media channels would not function without the Internet. However, these facilities cause a massive infringement of copyright on social media platforms. Copyright infringement on social media is primarily about file-sharing activities. These activities that use user-to-friend (P2P) technology have triggered a phenomenon in the Internet world. This P2P network technology enables users to exchange digital files anywhere they like. Indirectly, this technology has brought conflicts on the Internet between copyright owners and users. It is important to note that the technology is evolving and does not always conform to the law. Therefore, the disparity between copyright law and technology needs to be bridged. An important issue is whether there are appropriate provisions for copyright infringement on social media. This is because, by law, we need to ensure that we have appropriate provisions regarding copyright infringement issues on social media. This article discusses the provisions of the current Copyright Act 1987 relating to copyright infringement and whether they are appropriate for use on the Internet as on social media sites. This article uses the method of legal research through library research. This article concludes that existing laws are conclusively designed and that the provisions of these provisions cover various types of copyright infringement, including those that occur on social media.

Keywords:

Social Media, Copyright, Infringement, Internet, Malaysia

Pengenalan

Secara umumnya, suatu saluran media itu mencakupi konsep penyiaran, jalur lebar dan Internet (Abdul Shukor et.al, 2020). Manakala media sosial pula merupakan ‘sekumpulan aplikasi berdasarkan Internet yang dibina berdasarkan asas ideologi dan teknologi Web 2.0 dan membolehkan penciptaan dan pertukaran Kandungan Janaan Pengguna (UGC)’ (Kaplan & Haenlein, 2010). Media sosial juga merupakan “perpustakaan maklumat” yang memudahkan pengedaran maklumat serta merupakan alat yang berpengaruh bagi aktiviti komunikasi (Mohd Noor, Abd Aziz & Ahmad, 2020). Ia juga membolehkan suatu komunikasi menjadi lebih pantas dan mudah. Walau bagaimanapun, menerusi platform media sosial juga, aktiviti pelanggaran hak cipta seringkali berlaku. Undang-undang yang digubal perlu memastikan adanya peruntukan yang sesuai berkaitan masalah pelanggaran hak cipta di media sosial.

Metodologi

Abdullah (2018) menyatakan bahawa kaedah penyelidikan perpustakaan merupakan kaedah umum kepada penyelidikan undang-undang. Kaedah dilakukan bagi mendapatkan bahan-bahan seperti buku teks, keputusan kes, statut, perjanjian-perjanjian serta makalah undang-undang sebelum ianya dianalisa. Analisa data dibuat kepada beberapa peruntukan undang-undang di bawah Akta Hak Cipta 1987 khususnya yang berkaitan dengan pelanggaran hak cipta yang berlaku di media sosial.

Konsep Pelanggaran Hak Cipta di Media Sosial

Tanpa Internet, tidak akan wujud saluran media sosial. Pelanggaran hak cipta di media sosial secara asasnya terarah kepada aktiviti perkongsian fail. Aktiviti ini yang menggunakan teknologi rakan pengguna kepada rakan pengguna (P2P) mencetuskan fenomena dalam dunia Internet (Abd Aziz, Ahmad & Abdul Manap, 2014). Teknologi rangkaian P2P ini

membolehkan pengguna bertukar fail digital di mana-mana sahaja. Secara tidak langsung, teknologi ini mencetuskan konflik di antara pemunya hak cipta dan pengguna di Internet (Peukert, 2009). Rangkaian P2P beroperasi tanpa sistem berpusat tetapi sebaliknya data diedarkan di antara beberapa rakan-rakan yang beroperasi pada rangkaian yang sama. P2P secara kebiasaannya beroperasi dengan membenarkan pengguna untuk memuat turun perisian yang boleh didapati secara percuma (O'Farrell, 2011). Kewujudan teknologi P2P ini memudahkan pelanggaran hak cipta. Perkongsian fail bukanlah suatu yang bertentangan dengan undang-undang sepenuhnya malah ia turut memberi faedah kepada pencipta dan pemunya hak cipta dalam menentukan permintaan pengguna asalkan ia digunakan dengan cara yang sah (Clark, 2011).

Perkongsian fail tanpa kebenaran adalah bersalah di bawah undang-undang hak cipta. Perkongsian fail secara tidak sah ini melibatkan aktiviti yang meliputi perbuatan memintas suatu langkah perlindungan teknologi (TPM). Terdapat pelbagai jenis rangkaian perkongsian fail P2P seperti rangkaian penghantaran kandungan seperti *Ignite* dan *RedSwoosh*. Selain itu, rangkaian perkhidmatan kandungan atau P2P *caching* seperti *Corelli Caches* pula merupakan teknologi pengurusan rangkaian komputer yang digunakan oleh ISP bagi mempercepatkan penghantaran kandungan serta dapat mengurangkan kos jalur lebar manakala perisian penerbitan dan pengedaran pula berfungsi menerusi rangkaian perkongsian fail seperti *Linux* (Abd Aziz, 2017).

Perkongsian fail seperti perkongsian melibatkan sebuah lagu di media sosial, ia bukanlah bermakna pihak yang dikongsikan fail tersebut hanya mendapat sebahagian sahaja daripada lagu tersebut untuk didengar tetapi hakikatnya akan mendapat keseluruhan lagu sebagaimana pihak yang berkongsi fail dengannya. Dalam erti kata lain, seseorang yang berkongsi tidak akan berkurang daripada apa yang dimilikinya. Ia lebih kepada perkongsian maklumat. Perkongsian fail melibatkan aktiviti muat turun iaitu menyalin data dari sistem komputer lain dan juga muat naik iaitu memindahkan data ke sistem komputer pengguna agar membolehkan pihak lain membuat capaian kepada data tersebut. Evolusi perkongsian fail seiring dengan perkembangan Internet. ARPANET iaitu kemunculan awal Internet mengambil kira konsep P2P berbanding dengan sistem pelanggan/pelayan. Beberapa *host* kepada ARPANET seperti UCLA, SRI, UCSB dan University of Utah adalah laman perkomputeran bebas tetapi dengan status yang sama. ARPANET menghubungkan kesemua ini sebagai perkomputeran rakan saksama (Minar & Hedlund, 2001).

Selepas kemajuan ARPANET, muncul pula sistem Usenet pada tahun 1979 yang membenarkan dua mesin pada rangkaian Usenet untuk menemui kumpulan baru yang lebih efisien dan bertukar mesej dalam kumpulan. Sistem rangkaian ini tidak meluas, justeru teknologi ini tidak seiring dengan ledakan dunia Internet yang lebih meluas pada ketika itu iaitu di tahun 1994. Teknologi seterusnya beralih kepada protokol pelanggan/pelayan di mana Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) yang bertindak menyediakan dan mengawal penerbitan serta muat naik maklumat. Perkongsian fail menerusi kaedah ini memudahkan untuk mengesan sumber maklumat dan liabiliti dalam kes pelanggaran hak cipta (Wang, 2009). Dalam kes *UMG Recordings, Inc. lwn. MP3.com, Inc.* 92 F.Supp.2d 349 (SDNY 2000), seorang pembekal langganan muzik atas talian didapati bersalah oleh mahkamah atas pelanggaran hak cipta kerana telah membuat salinan bahan berhak cipta untuk tujuan komersil.

Aplikasi teknologi P2P yang awal melibatkan pengguna dengan pengguna dapat dilihat menerusi *Instant Messaging* (IM) yang dilancarkan pada 1988. Perkhidmatan IM seperti *ICQ*, *Yahoo! Messenger* dan *Windows Messenger* digunakan lebih 200 juta pengguna di seluruh

dunia (Wang, 2009), Teknologi P2P kemudiannya digunakan pula oleh *Napster*. Pertukaran fail menerusi *Napster* menggunakan beberapa perkhidmatan sokongan seperti perisian *MusicShare*, pelayan rangkaian *Napster* dan perisian *server-side*. Dalam kes *A&M Records, Inc. lwn. Napster, Inc.* 239 F.3d 1004 (2001), *Napster* didapati bersalah melakukan kesalahan hak cipta untuk pelanggaran penyumbang dan vikarius yang dilakukan oleh pengguna. Ini bersandarkan kepada fakta bahawa *Napster* telah melibatkan diri atau memudahkan orang lain dalam menyalin, memuat turun, memuat naik, menghantar atau mengagihkan hak cipta penggubahan muzik plaintiff dan rakaman bunyi tanpa mendapat kebenaran pemunya hak cipta.

Isu mengenai perkongsian fail mula hangat diperdebatkan apabila *Gnutella*, sejenis program yang digunakan oleh *Grokster* diperkenalkan. Program ini membenarkan pengguna berkongsi fail dalam pelbagai format dan ia direkabentuk. *Gnutella* adalah rangkaian P2P biasa yang menggunakan rekabentuk *supernode*. *Supernode* merupakan komputer rakan (peer computer) yang melebihi purata jalur lebar dan kapasiti pemprosesan (Abd Aziz, 2017). Mana-mana pengguna dalam rangkaian boleh menjadi *supernode* jika bersesuaian dengan kuasa memproses, jalur lebar dan syarat-syarat tertentu. Berbeza dengan *Napster*, rangkaian *Gnutella* tidak bergantung kepada sebarang pelayan berpusat untuk storan fail atau katalog fail. Dalam erti kata lain, sebuah komputer berhubung dengan fungsi rangkaian sebagai suatu pelayan mini.

Dalam kes *Metro-Goldwyn-Mayer (MGM) Studios, Inc. lwn. Grokster Ltd* 545 U.S.913 (2005), Mahkamah Rayuan Litar Sembilan memutuskan bahawa *Grokster* tidak bersalah untuk pelanggaran hak cipta penyumbang atau vikarius atas alasan sistem tersebut boleh digunakan untuk aktiviti pelanggaran dan bukan pelanggaran. Menerusi kes ini, pemberitahuan plaintiff terhadap perbuatan melanggar hak cipta adalah tidak relevan kerana defendant tidak membuat apa-apa perbuatan untuk memudahkan aktiviti tersebut dan tidak mampu berbuat apa-apa untuk menahan kandungan terhadap karya hak cipta. Di peringkat Mahkamah Agung, teori dorongan digunakan dan mendakwa bahawa pelanggaran secara tidak langsung berlaku apabila *Grokster* berniat untuk mengedarkan peranti yang boleh mendorong berlakunya pelanggaran hak cipta. Teori dorongan ini adalah konsep yang diambil daripada undang-undang paten dan undang-undang *common law* di mana pembuktian wujudnya elemen niat untuk memudahkan berlakunya suatu pelanggaran adalah diutamakan. Pada masa kini, lebih banyak teknologi P2P ini tersedia kepada pengguna seperti *BitTorrent* dan *Linux* yang turut tersedia untuk pengguna media sosial.

Pelanggaran Hak Cipta di Media Sosial

Rangkaian perkongsian fail menjadi komponen penting kepada komuniti maya secara global (Bonadion, 2011). Perkongsian fail telah membuka satu senario baharu dengan kewujudan pelbagai rangkaian sosial yang menggunakan Kandungan Janaan Pengguna (UGC). UGC merupakan laman yang menyediakan platform kepada pengguna untuk menonton dan berkongsi video. Terdapat pelbagai jenis UGC ini termasuklah seperti forum Internet dan blog (Abd Aziz, Ahmad & Abdul Manap, 2014). Laman atau rangkaian media sosial seperti *Youtube* dan *Facebook* juga mengaplikasikan kaedah yang sama termasuklah aplikasi seperti *twitter* dan perkongsian video menerusi telefon pintar seperti *Flickr*. Saluran laman media sosial *Youtube* merupakan laman sesawang yang paling berpengaruh di dunia (Kariyawasan & Austin, 2011). Ia juga merupakan laman UGC terbesar di dunia, menyediakan lebih 100 juta video dan 65,000 muat turun sehari. Kandungan *Youtube* dimuat naik atau disumbangkan oleh pihak ketiga (Daud, 2019). Pelanggaran hak cipta berlaku apabila pengguna memuat naik sebahagian atau sepenuhnya karya hak cipta milik pihak lain tanpa kebenaran (Holmes & Ganley, 2007). Dalam mengelakkan berlakunya pelanggaran hak cipta, *Youtube* memperkenalkan sistem automatik “Content ID” (Israel, 2016). Sistem ini berfungsi dengan cara pemilik hak cipta menghantar

kandungan hak cipta ke pangkalan data *Youtube* dan pengenalpastian digital dibuat. Sistem ini juga akan mengimbas mana-mana bahan yang dimuat naik, jika ianya bukan dari pengenalan pemunya hak cipta, secara automatik, bahan tersebut akan disingkirkan. Menerusi penggunaan sistem ini, *Youtube* telah menyingkirkan pelbagai kandungan yang didapati melanggar hak cipta.

Selain *Youtube*, rangkaian media sosial seperti laman *Facebook* membenarkan pengguna berkongsi kepelbagaiannya idea dan maklumat dalam bentuk video, lagu, imej, perbualan (chat), dokumen dan pelbagai bahan-bahan lain (Daud, 2019). Bahan-bahan yang dikongsikan tersebut turut memiliki hak cipta oleh pihak ketiga. Dalam kes *Facebook, Inc. Iwn. StudiVZ Ltd.* No. 08-03468 (N.D. Cal. Jul. 18, 2008), defendant dalam kes ini merupakan sebuah syarikat di United Kingdom yang secara prinsipalnya menjalankan perniagaan di Jerman, telah melancarkan laman sesawang yang didakwa secara visual dan memiliki fungsi sama seperti *Facebook*. Mahkamah memutuskan bahawa, sungguhpun hanya melibatkan penyalinan kod sumber, ia masih boleh disabitkan dengan kesalahan pelanggaran hak cipta. Walau bagaimanapun, persamaan dari segi bentuk, struktur dan fungsi kedua-dua laman, Mahkamah menyatakan bahawa persamaan tersebut tidak melibatkan pencapaian terus atau penyalinan kod sumber daripada *Facebook*. Ia hanya menggunakan teks umum *HyperText Markup Language* (HTML) iaitu bahasa utama bagi mewujudkan laman sesawang dan maklumat lain yang boleh dipaparkan dalam pelayar sesawang, teks dan *stylesheet*. Persamaan antara kedua-dua laman sesawang tidak cukup untuk menunjukkan berlakunya penyalinan kod sumber. Kod sumber merupakan aturcara yang dihasilkan dalam bentuk fail jenis teks (.txt). Kod sumber yang telah disusun dan disatukan akan menjadi kod objek (object code) dan seterusnya ditukar ke bentuk .exe oleh pemaut (linker). Kod objek menggunakan bahasa kod mesin iaitu dalam bentuk binary (1's and 0's) atau bahasa perantaraan seperti *Register Transfer Level* (RTL). Atas alasan ini, defendant tidak disabitkan atas kesalahan pelanggaran hak cipta.

Selain itu, menerusi *Facebook* juga, pelbagai aktiviti muat naik dan muat turun dapat dilakukan. Dalam kes *Prince Rogers Nelson Iwn Dan Chodera et.al* No.3:14-cv-00273 (N.D. Cal. Jan 16, 2014), plaintif merupakan seorang penyanyi terkenal telah mendakwa defendant yang telah memuat naik karya plaintif ke laman *Facebook* defendant. Pengguna yang memasuki *Facebook* defendant akan dihalakan ke blognya untuk berkongsi fail salinan karya persembahan plaintif tanpa kebenaran. Mahkamah memutuskan bahawa pihak defendant sengaja melakukan perbuatan tersebut dengan niat mendorong pengguna lain untuk melakukan aktiviti pelanggaran hak cipta. Defendant didapati bersalah kerana melakukan pelanggaran langsung ke atas karya hak cipta.

Peruntukan Undang-undang Berkaitan Pelanggaran Hak Cipta di Media Sosial

Teknologi kian berkembang dan begitu juga dengan undang-undang. Walau bagaimanapun, kedua-duanya tidak sentiasa beriringan. Jurang perbezaan antara undang-undang hak cipta serta teknologi perlu dirapatkan. Akta Hak Cipta 1987 turut melakukan beberapa pindaan bagi memenuhi tujuan ini, antaranya dengan memasukkan peruntukan-peruntukan berkaitan pemintasan TPM serta maklumat pengurusan hak.

Secara umumnya, pelanggaran hak cipta terkandung di bawah seksyen 36 Akta Hak Cipta 1987. Pelanggaran berlaku apabila seseorang tanpa lesen pemunya hak cipta dalam erti kata lain iaitu tanpa kebenaran melakukan atau menyebabkan seseorang lain melakukan perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang hak cipta seperti di bawah seksyen 36(1) Akta Hak Cipta 1987. Suatu hak cipta itu wujud menerusi jenis sesuatu karya itu diterbitkan, bentuk bahan sesuatu karya itu disimpan, ciri-ciri keaslian dan kelayakan seseorang pengarya

tersebut. Suatu karya yang mendapat perlindungan hak cipta akan memberikan hak eksklusif kepada pemunya hak cipta dan sebarang pelanggaran ke atas hak cipta karya tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Pelanggaran hak cipta di Internet seperti di laman media sosial boleh berlaku dalam keadaan diketahui siapa pelakunya dan juga secara ketanpanamaan. Bagi kesalahan yang tentu siapa pelakunya adalah lebih mudah untuk diambil tindakan berbanding dengan kesalahan yang dilakukan oleh ketanpanamaan yang memerlukan pakar serta forensik siber dalam mencari pelaku tersebut. Bagi kes yang melibatkan ketanpanamaan, ia biasanya dicari menerusi alamat Protokol Internet yang terdiri daripada angka-angka binari tetapi disimpan dalam fail teks dan dipaparkan menjadi angka biasa yang boleh dibaca seperti 181.173.165.171. Dalam kes *Maverick Recording Company lwn. Whitney Harper* 598 F.3d 193, 194 (5th Cir. 2010), dengan mengesahkan menggunakan alamat Protokol Internet, plaintif mendakwa defendant berkongsi 544 fail digital menggunakan rangkaian P2P. Mahkamah menolak hujah defendant yang mengatakan dirinya pelanggar jujur (innocent infringer) dan diputuskan bahawa defendant bersalah melakukan pelanggaran hak cipta.

Pelanggaran hak cipta wujud dalam empat keadaan menurut seksyen 36 Akta Hak Cipta 1987 iaitu pelanggaran secara langsung, pelanggaran secara tidak langsung, pemintasan TPM dan membuang maklumat pengurusan hak.

Pelanggaran Secara Langsung

Pelanggaran secara langsung berlaku apabila seseorang yang bukan pemunya hasil karya hak cipta melakukan atau menyebabkan pihak lain melakukan hak-hak eksklusif pemunya hak cipta tanpa kebenaran. Perbuatan-perbuatan yang diklasifikasikan sebagai pelanggaran secara langsung adalah seperti berikut:

Membuat Salinan Atau Pengeluaran Semula

Kesalahan membuat salinan ini termasuklah perbuatan yang termaktub di bawah seksyen-seksyen 41(1)(a) hingga 41(1)(d) seperti membuat untuk jualan atau sewaan serta menjual, menyewa, mendedah atau menawarkan untuk jualan. Kesalahan juga berlaku dalam keadaan mengedarkan salinan-salinan langgaran serta memiliki salinan langgaran tersebut melainkan untuk kegunaan persendirian dan domestik. Penentuan pelanggaran dalam membuat salinan ini melibatkan ujian objektif di mana persamaan suatu karya asli dan salinan dibuat sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Thrustcode Ltd. lwn. WW Computing Ltd.* [1983] FSR 502. Selain itu, pemilik hak cipta juga berhak untuk mengawal pengedaran pertama salinan kepada orang awam sama ada melalui jualan atau lain-lain kaedah pemindahan hak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13 (1) (e) Akta Hak Cipta 1987. Pelanggaran juga berlaku sekiranya salinan tersebut merupakan bahagian yang penting dalam sesuatu karya termasuklah dalam suatu program komputer sebagaimana yang diputuskan oleh Hakim Pumfrey dalam kes *Cantor Fitzgerald International lwn. Tradition (UK) Ltd* [2000] RPC 95.

Perbuatan membuat salinan elektronik fana atau sementara serta sampingan sama ada ia dilakukan dengan sengaja atau tanpa sengaja bukanlah suatu kesalahan jika ianya memenuhi maksud peruntukan undang-undang hak cipta. Dalam kes *Bookmakers' Afternoon Greyhound Services Ltd lwn. Wilf Gilbert (Staffordshire) Ltd* [1994] FSR 723, seseorang yang menayangkan suatu bahan berhak cipta menerusi skrin komputer boleh membawa kepada kesalahan pelanggaran hak cipta secara melakukan salinan semula. Harus ditegaskan bahawa telefon pintar pada masa kini juga merupakan sebuah komputer kerana ia turut melaksanakan fungsi-fungsi sebuah komputer. Walau bagaimanapun, sekiranya suatu pembuatan salinan itu

diperlukan untuk menonton, mendengar atau menggunakan karya yang telah tersedia di suatu rangkaian, ianya bukanlah merupakan suatu pelanggaran sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 13 (2) (q) Akta Hak Cipta 1987. Justeru, melayari laman media sosial semata-mata walaupun terhadap bahan langgaran hak cipta bukanlah merupakan suatu kesalahan. Dalam kes *Public Relations Consultants Association Ltd. lwn. The Newspaper Licensing Agency Ltd dan Lain-lain* [2013] UKSC 18, mahkamah menyatakan bahawa ia bukan suatu pelanggaran bagi seseorang untuk melihat atau membaca bahan langgaran dalam bentuk fizikal. Sekiranya ini tidak terpakai di media sosial, maka jutaan pengguna Internet yang tidak mengetahui akan berhadapan dengan tanggungan sivil yang dibawa oleh pemunya hak cipta hanya kerana melayari bahan-bahan berhak cipta tanpa kebenaran.

Mengedar Salinan Kepada Orang Awam

Pemunya hak cipta mempunyai hak untuk mengawal pengedaran pertama suatu salinan kepada orang awam sama ada melalui jualan atau lain-lain cara pemindahan hak. Menurut seksyen 27 Akta Hak Cipta 1987, pemindahan hak boleh berlaku dalam keadaan penyerahhakan, lesen atau pemberian berwasiat. Aliran data dari laman media sosial ke komputer pengguna dikatakan bukan suatu penyalinan kerana tiada salinan berlaku sehingga data berkumpul di komputer pengguna. Oleh yang demikian, pemilik laman-laman di Internet tidak boleh dikatakan membuat pengedaran salinan kepada awam (Smith, 2001). Walau bagaimanapun, apa juga bahan yang diterbitkan di laman media sosial, sekiranya pengguna memasuki laman tersebut dan memuat turun bahan berhak cipta, secara tidak langsung pemilik laman media sosial tersebut seolah-olah sudah mengedarkannya. Namun, sekiranya ia melibatkan salinan elektronik fana, dalihan kepada pelanggaran hak cipta di bawah seksyen 13(2)(q) Akta Hak Cipta 1987 boleh diguna pakai.

Mempamerkan, Membuat Pertunjukan dan Penyampaian Kepada Pihak Awam

Mempamerkan suatu bahan salinan langgaran yang bertujuan untuk tujuan komersil kepada pihak awam merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang hak cipta menurut Seksyen 41 (1) (e) Akta Hak Cipta 1987. Selain itu, pelanggaran hak cipta turut berlaku melalui pertunjukan termasuk tayangan dan permainan. Ini boleh berlaku dalam keadaan seseorang menunjukkan, menayang atau memainkan kepada orang awam menerusi peralatan yang boleh mencemar imej visual atau bunyi secara elektronik. Dalam kes *American Society of Composers, Authors and Publishers, Petitioner lwn. United States of America, et.al* No. 10-1337 (2011) Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa pemindahan rakaman muzik digital secara haram menerusi kaedah muat turun bukanlah kesalahan di bawah pertunjukan atau persembahan awam tetapi hanyalah kesalahan di bawah pengedaran dan pengeluaran semula. Manakala penyampaian kepada orang awam pula merupakan hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang kepada pemunya hak cipta sebagaimana di bawah seksyen 13 (1) (aa) Akta Hak Cipta 1987.

Penyampaian kepada orang awam bermaksud pemancaran sesuatu karya atau persembahan melalui cara wayar atau wayarles kepada orang awam. Ini termasuklah menjadikan sesuatu karya atau persembahan itu tersedia kepada orang awam dan mereka boleh membuat capaian kepada karya atau persembahan tersebut dari tempat dan masa yang dipilih oleh mereka. Menerusi laman media sosial, suatu karya hak cipta seperti filem boleh ditonton menerusi kaedah penstriman bahkan acara-acara siaran langsung seperti acara sukan dan majlis hiburan juga menggunakan kaedah ini. Dalam kes *American Broadcasting Cos., Inc., et.al lwn. Aereo, Inc., FKA Bamboom Labs, Inc.* No. 13-461 (Jun 2014), defendant dalam kes ini menjual perkhidmatan yang membenarkan pelanggan menonton program televisyen menerusi Internet dalam masa yang hampir sama dengan penyiaran ke udara. Apabila pelanggan ingin menonton

suatu siaran yang sedang ditayangkan (secara penstriman), dia hanya perlu memilih rancangan dari menu yang dipaparkan di laman sesawang defandan. Pelayan menyimpan data dalam fail (folder) pelanggan khusus pada cakera keras defandan dan memulakan siaran kepada layar pelanggan beberapa ketika selepas suatu program disimpan. Siaran secara penstriman berterusan, hanya beberapa saat di belakang siaran sebenar ke udara. Pihak plaintiff (pengeluar rancangan, pegawai pemasaran, pengedar dan penyiar) dalam kes ini membawa tindakan kepada Aereo selaku defandan kerana mendakwa mereka memiliki hak cipta dalam kebanyakan program yang Aereo siarkan dan menyaman Aereo atas pelanggaran hak cipta. Aereo dikatakan melanggar hak plaintiff untuk “persembahan” karya hak cipta “kepada pihak awam.” Mahkamah Agung memutuskan bahawa perkhidmatan yang disediakan oleh defandan membolehkan pelanggan untuk melihat suatu rancangan siaran televisyen melalui peranti yang bersambungan dengan Internet adalah melanggar undang-undang hak cipta.

Membuat Pelanggaran Kepada Hasil Karya Terbitan

Hasil karya terbitan merupakan perbuatan terkawal di bawah seksyen 8(1) Akta Hak Cipta 1987. Karya terbitan ini termasuklah terjemahan, penyesuaian dan susunan. Adaptasi bagi program komputer di bawah seksyen 2 Akta Hak Cipta 1987. Ia juga boleh diklasifikasikan sebagai suatu karya terbitan dan turut berlaku di media sosial. Ia bukanlah suatu pelanggaran sekiranya untuk tujuan salinan sokongan.

Pelanggaran Secara Tidak Langsung

Pelanggaran secara tidak langsung berlaku apabila seseorang pengimport sesuatu bahan berhak cipta langgaran daripada luar negara bagi tujuan perdagangan atau komersil tanpa persetujuan pemunya salinan asal karya tersebut seperti di bawah Seksyen 36(2) Akta Hak Cipta 1987.

Berurusan Dengan Salinan Langgaran

Pelanggaran secara tidak langsung berlaku apabila tanpa mendapat kebenaran dari pemunya hak cipta, seseorang mengimport ke dalam Malaysia suatu salinan langgaran. Walau bagaimanapun, sekiranya ia untuk kegunaan persendirian dan domestik, perbuatan tersebut bukanlah merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 36A (3)(c) Akta Hak Cipta 1987. Urusan mengimport ini adalah tanpa persetujuan atau lesen pemunya hak cipta. Ia bertujuan untuk menjual, menyewakan, menawarkan atau mendedahkan untuk jualan atau sewaan sesebuah artikel (bahan berhak cipta) tersebut. Selain itu, ianya juga menjadi suatu kesalahan untuk mengedarkan suatu artikel dengan tujuan untuk diperdagangkan atau bagi apa-apa maksud lain yang boleh memudaratkan pemunya hak cipta. Seseorang yang mengetahui artikel tersebut tidak mendapat persetujuan pemunya hak cipta tetapi mempamerkan kepada pihak awam termasuk di media sosial dengan tujuan untuk diperdagangkan juga merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 36(2)(c) Akta Hak Cipta 1987.

Menyediakan Perekaan Untuk Membuat Salinan Langgaran

Adalah menjadi suatu kesalahan bagi seseorang membuat atau ada dalam miliknya apa-apa perekaan sekiranya perekaan itu digunakan untuk tujuan membuat suatu salinan langgaran di bawah seksyen 41 (1) (g) Akta Hak Cipta 1987. Dalam membincangkan mengenai isu pelanggaran hak cipta di media sosial, sebuah komputer peribadi atau telefon pintar juga merupakan suatu perekaan di mana suatu salinan langgaran boleh dilakukan.

Kesalahan Berkaitan Teknologi

Pelanggaran hak cipta juga berlaku sekiranya seseorang membuat, mengimport atau menjual apa-apa teknologi atau alat bagi maksud untuk memintas TPM di bawah Seksyen 41 (1) (ha)

Akta Hak Cipta 1987. Kesalahan-kesalahan ini secara jelasnya adalah seperti membuat untuk dijual atau disewakan alat pintasan teknologi di bawah seksyen 36A (3)(a) Akta Hak Cipta 1987 serta mengimport selain untuk kegunaan persendirian dan domestik seksyen 36A (3)(b) Akta Hak Cipta 1987. Selain itu, kesalahan juga berlaku apabila dalam perjalanan urusannya, seseorang menjual atau menyewakan alatan tersebut, menawarkan atau mendedahkan untuk dijual atau disewakan, mengiklankan untuk dijual atau disewakan, memiliki serta mengedarkannya termasuk selain dari maksud dalam perjalanan urusan sehingga menjelaskan pemunya hak cipta. Ia turut menjadi suatu kesalahan juga sekiranya seseorang menawarkan kepada awam atau memberikan apa-apa perkhidmatan berhubung dengan apa-apa teknologi, alat atau komponen yang (a) dipromosikan, diiklankan atau dipasarkan bagi maksud memintasi TPM seperti diklankan di media sosial, (b) mempunyai maksud atau kegunaan komersil penting yang terhad selain untuk memintasi TPM, (c) direka, dikeluarkan, diadaptasi atau dipersembahkan terutamanya bagi maksud untuk membolehkan atau memudahkan pemintasan TPM menurut seksyen 36A (3)(e) Akta Hak Cipta 1987.

Pelanggaran Dengan Cara Pemintasan TPM

Kesalahan pemintasan TPM adalah apabila seseorang dengan sengaja memintas, menyebabkan atau membenarkan dipintas apa-apa langkah teknologi seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 41(1) (h) Akta Hak Cipta 1987. TPM digunakan oleh pemunya hak cipta dalam urusan perjalanan haknya dan perbuatan menyekat tanpa kebenaran perlindungan teknologi ini merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 36A (1)(b) Akta Hak Cipta 1987. Dalam kes *Creative Purpose Sdn Bhd dan Seorang Lain lwn. Integrated Trans Corp Sdn. Bhd dan Lain-lain* [1997] 2 MLJ 429, Kamalanathan Ratnam JC memutuskan bahawa penggodaman yang dilakukan oleh defendant bagi memintasi *dongle* dalam satu program perisian merupakan pelanggaran hak cipta walaupun ia dilakukan tanpa salinan langsung program yang asal.

Peruntukan di bawah seksyen 36A Akta Hak Cipta 1987 yang menjadikan pemintasan TPM sebagai kesalahan khusus adalah perlu sebagai usaha untuk mengawal, mengurangkan atau menghalang suatu pelanggaran hak cipta. Aktiviti pemintasan TPM ini boleh turut berlaku di laman media sosial.

Pelanggaran Dengan Mengubah Hak Pengurusan Elektronik

Perbuatan membuang serta mengubah maklumat pengurusan hak adalah suatu kesalahan di bawah seksyen 41(1)(i) Akta Hak Cipta 1987 sekiranya pelaku tersebut mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengetahui bahawa perbuatan tersebut akan menyembunyikan kesalahan-kesalahan lain di bawah Akta Hak Cipta 1987. Maklumat pengurusan hak ditafsirkan sebagai maklumat yang mengenal pasti karya, pencipta karya, pemunya apa-apa hak dalam karya, pelaku atau terma dan syarat penggunaan karya serta apa-apa nombor atau kod yang menggambarkan maklumat sedemikian. Butiran-butiran ini perlulah dilekatkan kepada salinan sesuatu karya atau kelihatan berkaitan dengan penyampaian sesuatu karya kepada awam, contohnya nama pengarang dan tajuk pada sebuah karya sastera. Seorang pengguna yang membuang atau mengubah apa-apa maklumat pengurusan hak tanpa kebenaran merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 36B (1)(a) Akta Hak Cipta 1987.

Perbuatan mengedar, mengimport untuk diedarkan atau penyampaian kepada awam juga merupakan suatu kesalahan sekiranya perbuatan tersebut dilakukan tanpa kebenaran dan mengetahui sesungguhnya maklumat pengurusan hak sudah ditanggalkan seperti di bawah seksyen 36B (1)(b) Akta Hak Cipta 1987. Ianya juga menjadi suatu kesalahan kepada seseorang yang mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengetahui mengenai perbuatan membuang maklumat pengurusan hak itu tetapi meneruskan aktiviti

tersebut. “Mengetahui” di sini membawa maksud bahawa perbuatannya akan menyebabkan, membolehkan, memudahkan atau menyembunyikan suatu pelanggaran apa-apa hak di bawah Akta Hak Cipta 1987 sebagaimana yang dinyatakan menerusi proviso seksyen 36B (1) Akta Hak Cipta 1987. Walau bagaimanapun, tidaklah menjadi suatu kesalahan sekiranya perbuatan tersebut dilakukan untuk tujuan penguatkuasaan undang-undang, keselamatan negara, pelaksanaan suatu fungsi statutori serta dibuat oleh perpustakaan, arkib atau institusi pendidikan bertujuan membuat keputusan mengenai pemerolehan yang berkaitan dengan karya hak cipta sepertimana yang termaktub di bawah seksyen 36B (2) Akta Hak Cipta 1987.

Kesimpulan

Kewujudan media sosial sebagai wadah media baharu hakikatnya memudahkan suatu komunikasi di antara manusia. Walau bagaimanapun, menerusinya juga, pelbagai bentuk kesalahan lebih terdedah. Antara kesalahan tersebut adalah pelanggaran hak cipta. Pengguna media sosial lebih mudah melakukan kesalahan hak cipta berbanding dengan pelanggaran yang dilakukan dalam medium tradisional iaitu medium tanpa penglibatan Internet. Undang-undang yang tersedia pada masa kini digubal bagi mencakupi pelbagai kesalahan pelanggaran hak cipta dan ianya termasuklah yang berlaku di media sosial.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan. Penulis-penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas pembiayaan penyelidikan ini melalui geran FRGS/1/2016/SSI10/UUM/02/3.

Rujukan

- Abd Aziz, A.S, Ahmad, R dan Abdul Manap, N. (2014). “Perkongsian Fail dan Perkongsian Laman Dalam Permasalahan Pelanggaran Hak Cipta dan Kebebasan Bersuara,” Legal Network Series A, no. cxxxii:1-16.
- Abd Aziz, A.S. (2017). Perlindungan Hak Cipta dan Kebebasan Bersuara Pengguna di Internet: Suatu Analisa Mencari Keseimbangan dalam Pertembungan Dua Hak Ini di Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia. (tidak diterbitkan).
- Abdul Shukor, S. et.al. (2020). “Communications and Media Law in Malaysia”. Negeri Sembilan: USIM Press.
- Abdullah, N.C. (2018). “Legal research methodology”. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell.
- Clark, R. (2009), “Sharing out online liability: Sharing files, sharing risks and targeting ISPs,” dalam Peer-to-Peer File Sharing and Secondary Liability Copyright Law, pnytg. Alain Strowel Cheltenham: Edward Elgar Publishing.
- Daud, M. (2019). “Internet Content Regulation”. Gombak: IIUM Press.
- Holmes, S. dan Ganley, P. (2007). “User-generated Content and the Law,” Journal of Intellectual Property Law & Practice 2, no.5: 338-344.
- Israel, S. (2016). “Youtube to Update ‘Content ID,’ Bringing Hope to Professionals Youtubers,” capaian Mei 15, 2016, <http://www.cbc.ca/news/technology/youtube-content-id-1.3569899>
- Kaplan, A dan Haenlein, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. Business Horizons 53(1):59-68.
- Kariyawasam, K. dan Austin, A. (2011). “Youtube, Internet File Sharing and Copyright,” Journal Contemporary Issues in Law 1, no.3:141-158.
- Minar, Nelson dan Hedlund, Marc. (2001). “A Network of Peers: Peer-to-Peer Models Through the History of the Internet,” dalam Peer-to-Peer: Harnessing the Power of Disruptive Technologies, penyunting Andrew Oram, 3-20.USA: O’Reilly and Associates, Inc.

- Mohd Noor, N.A, Abd Aziz, A.S dan Ahmad, R. (2020). "Penyalahgunaan Media Sosial: Kerangka Institusi dan Undang-undang di Malaysia." *International Journal of Law, Government and Communication* 5, no.18: 57-67.
- O'Farrell, Gemma.(2011). "Time for Pirates to Walk the Plank? The Position of Internet Service Providers After EMI v UPC," *European Intellectual Property Review* 33, vol. 10: 655-659.
- Peukert, Alexander. (2009). "A Bipolar Copyright System for the Digital Network Environment," dalam Peer-to-Peer File Sharing and Secondary Liability in Copyright Law, penyunting Alain Strowel, 148-195. Cheltenham: Edward Elgar Publishing.
- Rowbottom, J. (2018). "Media Law". Oxford: Hart Publishing
- Smith, G. J. H. (2001). *Internet Law and Regulation* Edisi ke-3, London: Sweet & Maxwell.
- Wang, Y (2009). "Fair Use and File Sharing in Research and Education." Diss.Phd, University of Southampton, capaian Disember 11, 2013,
http://eprints.soton.ac.uk/67657/1.hasCoversheetVersion/Yueyue_Wang-Fair_Use_and_File_Sharing_in_Research_and_Education.pdf